

14/03/1997

Tawau tuan rumah dua kempen serentak

KOTA KINABALU, Khamis - Daerah Tawau akan menjadi tuan rumah Kempen Menanam Pokok peringkat negeri dan kempen Malaysia Boleh, Sabah Boleh peringkat Bahagian Tawau, Ahad ini.

Presiden Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Datuk Aziz Rashid Zainuddin, berkata kempen menanam pokok itu akan dilancarkan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, di pesisiran Sabindo, bermula jam 9 pagi.

"Kempen itu lanjutan kegiatan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada peringkat Kebangsaan, 3 Mac lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurut beliau, kempen itu bertujuan menggalakkan masyarakat tempatan mencintai alam sekitar dengan berusaha mengekalkan kehijauan serta menjaganya daripada tercemar.

Aziz Rashid berkata, sempena kempen itu, Yong dan beberapa menteri Kabinet negeri akan menanam pokok di kawasan itu sebagai acara kemuncak.

"Selepas itu, Yong menyerahkan benih pokok kepada pengerusi Majlis Perbandaran dan Daerah seluruh Sabah, guru besar sekolah sekitar Tawau dan pengerusi Rukun Tetangga (RT) kawasan perumahan," katanya.

Berikutan itu, beliau meminta orang ramai bekerjasama dengan pihak berkuasa menjaga keindahan serta kehijauan alam sekitar, kerana ia adalah usaha murni ke arah mengamalkan cara hidup sihat.

Selain itu, Aziz Rashid menggesa orang ramai melaporkan segera kepada pihak berkuasa jika ada individu tidak bertanggungjawab didapati merosak atau mencuri pokok yang ditanam.

Sementara itu, Yong juga akan melancarkan Kempen Malaysia Boleh, Sabah Boleh peringkat Bahagian Tawau di Dewan Masyarakat bermula jam 1 tengah hari, hari yang sama.

Kempen dijangka dihadiri lebih 2,000 orang itu juga lanjutan kegiatan yang dilancarkan Dr Mahathir pada peringkat Kebangsaan di Kota Kinabalu, 31 Ogos lalu.

Aziz Rashid berkata, ia bertujuan menyedarkan masyarakat mengenai usaha kerajaan membangunkan taraf hidup masyarakat tempatan pada keseluruhannya.

(END)